

BAHAGIAN 1 (5 MARKAH)

TANDAKAN (X) PADA PILIHAN JAWAPAN YANG BETUL.

1. Revolusi Keagungan (Glorious Revolution) dilancarkan di _____ untuk menegakkan kedaulatan parlimen dan hak asasi rakyat.

☐	England
--------------------------	---------

☐	Amerika Syarikat
--------------------------	------------------

2. Semasa pemerintahan _____, konsep kedaulatan parlimen dan sistem pemerintahan raja berperlembagaan dimantapkan.

☐	Raja James II
--------------------------	---------------

☐	Mary II & William of Orange
--------------------------	-----------------------------

3. John Locke, ahli falsafah Inggeris yang menghasilkan karya Two Treatises of Government telah mempopularkan prinsip _____

☐	Demokrasi Berparlimen
--------------------------	-----------------------

☐	Raja Berperlembagaan
--------------------------	----------------------

4. Pada bulan Julai 1776, kongres Amerika telah meluluskan Perisytiharan Kemerdekaan Amerika yang ditulis oleh _____.

☐	George Washington
--------------------------	-------------------

☐	Thomas Jefferson
--------------------------	------------------

5. Karya The Social Contract oleh _____ telah mengemukakan keunggulan suara rakyat yang digelar sebagai “hasrat umum” semasa Revolusi Perancis.

☐	Jean Jacques Rousseau
--------------------------	-----------------------

☐	Voltaire
--------------------------	----------

BAHAGIAN 2 (10 MARKAH)

SEMUA PERNYATAAN DI BAWAH ADALAH SALAH. NYATAKAN PERKATAAN YANG SALAH DAN TULIS JAWAPAN YANG BETUL DALAM RUANG YANG DISEDIAKAN.

BIL	PERNYATAAN	PERKATAAN YANG SALAH	JAWAPAN YANG BETUL
1.	Gerakan nasionalisme di Filipina bertujuan menyokong penjajahan asing		
2.	Mereka menuntut supaya pentadbiran Filipina diasingkan daripada pentadbiran Sepanyol		
3.	Kerjasama antara Aguinaldo dengan Amerika Syarikat gagal mengusir Sepanyol.		
4.	Nasionalisme di Burma (Myanmar) digerakkan oleh golongan pertengahan yang berpendidikan Timur.		
5.	Perlembagaan Burma (1937) telah merangsang ke arah berkerajaan sendiri.		

BAHAGIAN 3 (5 MARKAH)

KENAL PASTI KUASA-KUASA BARAT BERIKUT SAMA ADA KUASA PAKSI ATAU KUASA BERSEKUTU

NEGARA	KUASA PAKSI / KUASA BERSEKUTU
1. Jepun	
2. Rusia	
3. Perancis	
4. Jerman	
5. Itali	
6. Britain	
7. Amerika Syarikat	

BAHAGIAN 4 (5 MARKAH)

GARISKAN JAWAPAN YANG BETUL

1. _____ tidak mempunyai anak lelaki untuk menggantikan tempatnya sebagai raja.
2. Beliau enggan melantik anak saudaranya _____ menggantikannya.
3. _____ mendesak pemerintah Sarawak untuk memberikan kuasa yang lebih luas kepada British.
4. Tujuan adalah untuk membolehkan British menguasai _____ Sarawak dengan lebih meluas dan menjaga _____ British.
5. Menghadapi masalah kewangan untuk memulihkan Sarawak selepas _____.

BAHAGIAN 5 (5 MARKAH)

PADANKAN JAWAPAN YANG BETUL.

Raja-raja Melayu

sembilan orang

bidang kuasa

Majlis Raja-raja Melayu

Persekutuan Tanah Melayu 1948

1. Pengambilan semula pendudukan _____.
2. Penubuhan _____.
3. Melalui peruntukan Perjanjian _____.
4. Dianggotai seramai _____ raja Melayu.
5. Perkara dalam _____ Kerajaan
Persekutuan perlu dirujuk raja.

BAHAGIAN 6 (5 MARKAH)

PADANKAN MAKLUMAT TENTANG KESAN DARURAT TERHADAP NEGARA KITA
DENGAN **BETUL**.

Menyedarkan British bahawa strategi ketenteraan semata-mata	kesedaran politik dalam kalangan pemimpin kaum
Darurat mendorong British bersedia untuk	tidak boleh menamatkan darurat
Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) boleh meningkatkan	Persekutuan Tanah Melayu boleh menewaskan komunis
Penubuhan Parti Perikatan membolehkan mereka berkongsi	mempercepat kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu
Pilihan Raya Umum 1955 menyakinkan British bahawa	kepentingan dan hala tuju yang sama

BAHAGIAN 7 (MARKAH)

PILIH AYAT YANG BETUL DAN PADANKAN DENGAN SOALAN YANG SESUAI.

Rajah berikut berkaitan dengan asas hubungan pemerintah dan rakyat Kesultanan Melayu Melaka.

a) i) Apakah yang anda faham tentang maksud waadat?

[1 markah]

ii) Namakan wakil kedua-dua pihak yang terlibat dalam waadat tersebut.

[2 markah]

b) Jelaskan peranan sultan kepada rakyat baginda dalam Kesultanan Melayu Melaka.

[3 markah]

c) Cadangan usaha-usaha untuk mempertahankan institusi diraja pada hari ini.

[4 markah]

Pengamalan prinsip ini akan membantu memelihara kestabilan negara.

Akhirnya sultan bertanggungjawab terhadap kemakmuran kerajaan.

Selain itu, beliau juga berperanan mewujudkan perpaduan rakyat.

Sultan berperanan menjaga keselamatan rakyat negeri baginda.

Setiap rakyat harus mengamalkan prinsip Rukun Negara.

Selain itu, rakyat juga mesti menghormati raja.

Contohnya meraikan hari kebesaran raja.

Demang Lebar daun dan Sang Sapurba.

Waadat ialah perjanjian.